

## **BAB 1 – PENDAHULUAN**

### **1.1 Tujuan**

- 1.1.1 Buku Panduan ini bertujuan memberi penerangan dan penjelasan mengenai tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan.
- 1.1.2 Buku panduan ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh agensi Kerajaan lain termasuk Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.

### **1.2 Skop**

- 1.2.1 Buku Panduan ini mengandungi prosedur pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak bagi pembinaan kerja secara konvensional berdasarkan Borang Syarat-syarat Kontrak P.W.D. 203/203A (Rev. 2007).
- 1.2.2 Buku Panduan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan (A.P), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP), Surat Arahan Perbendaharaan (SAP), Surat-surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (SAKPKR) yang sedang berkuatkuasa serta Surat Arahan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB).
- 1.2.3 Rujukan hendaklah juga dibuat kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), Jabatan Kerja Raya yang terkini. Pengubahsuaian hendaklah dibuat di mana perlu selaras dengan peraturan semasa.